

PRINSIP KUASA EKSEKUTIF MALAYSIA DALAM KERANGKA KONSEPTUAL ISLAM

[1] Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain

ABSTRACT

The executive authority of Malaysia is vested in Yang di-Pertuan Agong as stipulated in Article 39 of the Federal Constitution. The executive authority is governed by the provisions of the Federal Constitution, thus defining the principles of executive power. The principles of executive power are very important in national administration because those principles guide Government's decisions and policies. Hence, this article will put forth the principles of executive power in accordance with the recent research found in 'Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Menurut Sejarah Perundangan (2017)'. This paper uses legal text research where the main sources are taken from the Qur'an and al-Sunnah through some references, such as 'Tafsir al-Maudhuyi (2015)', 'Malaysia as a Muslim nation (2005)' and 'The Islamic State (1983)'. The findings show the principles of executive power in Islam are based on the concept of Caliphate, justice and Shura. The above three concepts came the principles of integrity, accountability, *amar ma'aruf, nahi mungkar*, prudence, *muhasabah*, transparency, equality and freedom. In terms of implementation, the principles of executive power sourced from Islam can be enforced through the executive authority of Yang di-Pertuan Agong.

Keywords: principles of executive power, sovereignty, concept of Caliphate, justice, shura, executive authority of Yang di-Pertuan Agong.

[1] Universiti Kebangsaan
Malaysia
d1af@live.com

BACKGROUND AND INTRODUCTION OF THE STUDY

Kuasa eksekutif Persekutuan termaktub dalam Perkara 39 Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa kuasa eksekutif Persekutuan itu adalah terletak pada Yang di-Pertuan Agong, tetapi ia boleh dilaksanakan oleh pihak-pihak yang diberi kuasa oleh undang-undang. Perkara 39 Perlembagaan Persekutuan berbunyi:

Kuasa Pemerintah bagi Persekutuan adalah terletak kepada Yang di-Pertuan Agong dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang Persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, kuasa itu boleh dijalankan olehnya atau oleh Jemaah Menteri atau oleh mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri, tetapi Parlimen boleh dengan undang-undang memberi tugas-tugas Pemerintah kepada orang-orang lain.

Meskipun kuasa eksekutif itu terletak pada Yang di-Pertuan Agong sebagai kepala utama Malaysia, namun baginda adalah tertakluk pada undang-undang selaras dengan prinsip raja berperlembagaan. Prinsip raja berperlembagaan itu bukanlah suatu yang baharu kerana sebelum kedatangan Islam lagi, Raja-raja Melayu memerintah berdasarkan adat Melayu dan wa'adat Sang Sapurba. Setelah Raja Melaka pertama menganut Islam, maka Raja-raja Melaka selepas itu sehinggalah Raja-raja Melayu pada hari ini, adalah tertakluk pada syariat Nabi Muhammad SAW. Justeru, dalam Perkara 37 Perlembagaan Persekutuan disyaratkan Yang di-Pertuan Agong untuk melafazkan sumpah seperti dalam Jadual 4, Perlembagaan Persekutuan sebelum menjalankan kewajipan baginda. Sumpah Yang di-Pertuan Agong itu adalah seperti berikut:

Wallahi, Wabillahi, Watallahi, maka dengan lafaz ini berikrarlah kami dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya mengaku akan taat setia pada menjalankan dengan adilnya pemerintahan bagi Malaysia dengan mengikut sebagaimana undang-undang dan Perlembagaan yang telah disahkan dan dimasyhurkan dan akan disah dan dimasyhurkan di masa hadapan ini. Dan lagi kami berikrar mengaku dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri.

Kajian mutakhir dalam *Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Menurut Sejarah Perundangan (2017)* menunjukkan kedaulatan negara Malaysia itu berteraskan aqidah Raja-raja Melayu. Lantaran itu, berbeza dengan tanggapan popular sehingga hari ini yang mentafsirkan kedaulatan Raja-raja Melayu berdasarkan prinsip *English common law*, kedaulatan mereka sebenarnya bersumberkan ajaran Islam. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menonjolkan prinsip kuasa eksekutif berkonsepkan Islam berdasarkan *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* melalui beberapa rujukan iaitu *Tafsir al-Maudhu'iy* (2015), *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam* (2005), *The Islamic State* (1983) dan *Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Menurut Sejarah Perundangan (2017)*. Prinsip kuasa eksekutif itu amat penting kerana ia bukan sahaja terpakai ke atas Yang di-Pertuan Agong, bahkan kepada sesiapa sahaja yang melaksanakan kuasa-kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong.

SISTEM POLITIK ISLAM

Sistem politik Islam berkait rapat dengan konsep khalifah dan *ulil amri*. Dewasa ini, *ulil-amri* ditakrifkan bukan hanya sultan atau raja, termasuklah juga para penguasa, ahli-ahli hukum, para ulama', panglima-panglima perang dan para pemimpin dan *ahl al-halli wal 'aqdi*. Apabila *ulil amri* muafakat menentukan suatu peraturan, rakyat wajib untuk mentaatinya dengan syarat, mereka itu boleh dipercayai dan tidak menyalahi ketentuan Allah SWT dan Rasul-Nya (Nooh Gadut, 2005: 128).

Menurut al-Qardhawi (2009), kedaulatan mutlak itu adalah milik Allah SWT semata-mata. Raja atau pemerintah atau pemimpin dalam Islam berposisi sebagai khalifah atau wakil Allah SWT yang meneruskan tanggungjawab Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin negara. Seorang raja atau pemerintah memegang kedaulatan milik mutlak Allah SWT dalam bentuk satu amanah (*sovereign trust*) sesuai dengan Firman Allah SWT dalam Surah Ali 'Imran (3: 26) yang bermaksud:

Katakanlah (Wahai Muhammad); Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang engkau kehendaki dan engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Seorang pemerintah dan mereka yang melaksanakan kuasa-kuasa pemerintahan perlu melaksanakan budi bicara mereka secara adil dan memberi manfaat kepada rakyat. Dasar dan pelaksanaannya itu pastinya perlu bersesuaian dengan prinsip politik Islam kerana pemerintah-pemerintah berposisi sebagai pemegang amanah kepada kedaulatan mutlak milik Allah SWT. Rasulullah SAW semasa pelantikan Mu`az bin Jabal sebagai Gabenor Yemen mengesahkan tatacara seorang pemerintah apabila ingin memutuskan sesuatu kes. Seseorang pemerintah itu hendaklah berlandaskan *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* sebagai rujukan utama, sekiranya tiada nas yang jelas maka hendaklah pemerintah itu berijtihad mengikut budi bicaranya berdasarkan prinsip-prinsip hukum Islam.

Konsep kedaulatan berkonsepkan ajaran Islam di atas jelas diakui oleh Sarjana Barat seperti Wheeler. Wheeler (1928: 101) menyatakan, "*dalam Islam....Sultan adalah maharaja dan pope. Dilihat dari sudut duniawi baginda adalah sultan; dari sudut spiritual pula baginda adalah seorang khalifah. 'Bayangan Tuhan'.*" Ciri-ciri kedaulatan berkonsepkan Islam dijelaskan dalam *Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Menurut Sejarah Perundangan* (Wan Ahmad Fauzi, 2017: 121-126) seperti berikut:

- a) Pemerintah berposisi sebagai pemegang amanah dalam pemerintahan yang tertakluk pada ajaran Islam.
- b) Kewajipan pemerintah berposisi sebagai khalifah itu adalah berposisi untuk menguatkuasakan syariat.
- c) Kedudukan tertinggi yang dikurniakan kepada pemerintah adalah satu ujian sebagai ketua negara untuk melaksanakan pemerintahan bertanggungjawab.
- d) Pemerintah dipertanggungjawabkan dalam tindak-tanduk pemerintahannya.

Kenyataan-kenyataan di atas dengan jelas menunjukkan konsep kedaulatan yang diwarisi oleh Raja-raja Melayu pada hari ini adalah berbentuk doktrin pengamanahan kedaulatan, iaitu posisi seorang Raja Melayu sebagai pemegang amanah kedaulatan milik mutlak Allah SWT. Kedudukan itu diakui sendiri oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dalam titah baginda di Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara: Ke arah Wasiat Lebih Tersurat pada 5 Ogos 2017, di Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

PRINSIP KUASA EKSEKUTIF

Abdul Rashid Moten (2005: 35-40) mengemukakan prinsip asas sistem politik Islam bertunjang pada tauhid, syariah, keadilan, kebebasan, kesamarataan dan syura. Beliau menegaskan konsep keadilan itu menerima prinsip-prinsip kebebasan dan kesamarataan. Kebebasan itu bermaksud bebas untuk bertindak mengikut kepercayaan moral seseorang, untuk membuat pilihan ideologikal dan intelektual, dan mengambil keputusan atas dasar kepercayaan dan pilihan sendiri. Kebebasan itu juga dinikmati oleh orang bukan Islam, mereka boleh memelihara dan mengamalkan bahasa, agama dan kebudayaan mereka. Bagaimanapun, hak itu tidaklah mutlak. Tuntutan kebebasan mutlak adalah sikap tidak bertanggungjawab sebaliknya, menafikan sepenuhnya pula adalah satu kesilapan. Kesamarataan itu meliputi hak-hak, kebebasan-kebebasan, peluang-peluang dan tanggungjawab-tanggungjawab awam tanpa batasan bangsa, bahasa dan keturunan. Al-Qur'an mengiktiraf bahawa tiada asas keutamaan seseorang atau bangsa ke atas yang lain melainkan kelurusan budi pekerti dan taqwa. Konsep syura pula hanya terlaksana dengan sempurna apabila adanya kebebasan dan kesamarataan.

Hassan al-Turabi (1983: 248-289) menekan pematuhan kepada syariah, amalan `ijma' dalam politik, keperluan untuk menyediakan sistem periksa-imbang sebagai syarat-syarat untuk memelihara kebebasan dan keadilan. Menurut Mohammad Hashim Kamali (2005: 18-19), kriteria dan karekter asas sistem politik Islam menurut al-Qur'an berteraskan konsep amanah dan '*khilafah*' yang dihubungkan dengan tugas utama untuk mentadbir keadilan dan memastikan *masalah* rakyat. Melalui konsep amanah dan *khilafah* di atas, sebuah negara Islam itu berkarakter '*civilian*', bukanlah '*theocratic state*'. Civilian bermaksud pemerintah dipilih melalui '*bay'ah*' dan

syura, tertakluk pada kedaulatan undang-undang dan bertanggungjawab kepada rakyat yang memilih mereka. *Theocratic state* pula bermaksud pemerintah dikatakan memiliki kuasa ketuhanan dan menjadi penghubung antara Tuhan dengan rakyat. Corak sebuah negara Islam itu menggagaskan empat ciri utama, iaitu:

- a) Kerajaan sebagai satu amanah.
- b) Kerajaan Terbatas.
- c) Sivil.
- d) Demokrasi Bersyarat.

Prinsip-prinsip di atas bertujuan untuk mengatur urusan manusia agar tidak lari daripada matlamat penciptaan mereka dan pematuhan pada ajaran Islam itu sendiri yang menekankan tataurus tadbir kehidupan yang baik lagi sempurna. *Tafsir Maudhu'iy* (Arief Salleh & Yahaya Jusoh, 2015: 137-177) mengemukakan enam sifat dalam amalan tataurus tadbir baik berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an, iaitu; pertanggungjawaban, ketelusan, keadilan, integriti, persamaan dan kebebasan. Berdasarkan pandangan-pandangan di atas, makalah ini merumuskan sistem politik Islam itu bertunjangkan tiga aspek utama; konsep khalifah, pemerintahan adil dan amalan syura. Ketiga-tiga aspek itulah membina prinsip kuasa eksekutif. Konsep khalifah sudah dijelaskan di atas manakala pemerintahan adil dan amalan syura dihuraikan seperti berikut:

- a) *Keadilan*, pemerintahan yang adil adalah berpandukan kepada sumber *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nahl (16: 90) yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, berbuat kebajikan, dan memberi bantuan kepada kaum kerabat, serta melarang daripada melakukan perbuatan yang keji, mungkar dan kezaliman. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya". Bagi menjadi seorang yang adil, seseorang itu perlulah mengamalkan sifat-sifat *mahmudah* dan meninggalkan sifat-sifat *mazmumah*.

Dalam konteks politik pula, Abdul Rashid Moten (2005: 37) menyatakan, "*a just political order manifests itself in having upright and capable public officials managing the public policy in a just way and distributing wealth and opportunities in an equitable manner.*" Keadilan dalam pemerintahan itu bukanlah satu persepsi atau nilai yang diletakkan oleh manusia semata-mata, sebaliknya ia tergantung pada pematuhan syarat-syarat atau aspek-aspek tertentu. Aspek-aspek yang diberi penekanan oleh Islam untuk mencapai keadilan adalah seperti berikut:

- I. Suatu amanah hendaklah diserahkan kepada ahlinya, iaitu; pemerintah hendaklah melantik mereka yang benar-benar layak, mempunyai pengetahuan dalam bidang itu dan mampu melaksanakannya dengan baik dan ikhlas untuk membantunya dalam pemerintahan. Melalui amalan ini maka pastinya terhasillah sikap integriti. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa' (4: 58) yang bermaksud: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum dalam kalangan manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.
- II. Akauntabiliti, ditakrifkan sebagai sifat kebertanggungjawaban seseorang individu, pemimpin atau organisasi yang diamanahkan untuk melaksanakan sesuatu perancangan, dasar, tindakan atau membuat keputusan bagi masyarakat awam. Akauntabiliti dalam aspek politik berlaku di dunia dan dibicarakan di akhirat kerana amanah kekuasaan pemberian Allah SWT dan ketaatan rakyat yang dituntut kepada pemerintah itu mempunyai objektif khusus, iaitu semua manusia dan jin diciptakan untuk beribadat kepada Allah SWT. Firman Allah dalam Surah al-Ahzab (33: 66-68) yang bermaksud:

Pada masa muka mereka dibalik-balikkan dalam api neraka, mereka berkata (dengan sesalnya), "Alangkah baiknya kami dahulu (semasa di dunia) taat kepada Allah serta taat kepada Rasulullah," dan mereka berkata lagi, "Wahai Tuhan kami, sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua dan orang besar kami, lalu mereka menyesatkan kami daripada jalan yang benar. Wahai Tuhan kami, berikanlah mereka azab sengsara dua kali ganda dan laknatkanlah mereka dengan laknat yang sebesar-besarnya!"

- III. Pematuhan prinsip *amar ma`aruf* dan *nahi mungkar*, iaitu; seorang pemerintah perlu menggaris dan melaksanakan dasar untuk melahirkan rakyat dan mengujudkan suasana sentosa dalam negara. Dasar dan pelan tindakan hendaklah mempunyai objektif jelas; galakan kepada kebajikan dan pencegahan terhadap kerosakan. Implikasi setiap keputusan perlu diperhalusi agar natijahnya sentiasa patuh prinsip syariah. Firman Allah SWT dalam Surah Ali 'Imran (3: 110) yang bermaksud: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik ummah yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat perkara baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).
- IV. Sikap teliti, iaitu; seorang pemerintah hendaklah mengamalkan sikap berhati-hati, cermat, bijaksana dan berwawasan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah (5:42) yang bermaksud: Mereka sangat suka mendengar berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya). Oleh itu, jika mereka datang kepadamu, maka hukumlah antara mereka (dengan apa yang diterangkan oleh Allah), atau berpalinglah dari mereka. Dan jika kamu berpaling dari mereka, maka mereka tidak akan dapat membahayakanmu sedikitpun. Dan jika kamu menghukum, maka hukumlah antara mereka dengan adil, kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.
- V. *Muhasabah*, dalam konteks kepimpinan, disifatkan sebagai *'management audit'* iaitu; seorang pemerintah hendaklah sentiasa menghitung diri dan mengambil iktibar, menginsafi bahawa kekuasaan, pangkat, harta negeri dan masalah rakyat itu adalah amanah Ilahi, bukanlah hanya bersifat retorik. Semua tindak-tanduk, keputusan dan perlakuan sebagai seorang pemerintah perlu sentiasa disemak. Allah SWT berfirman dalam Surah Yunus (10: 14) yang bermaksud, "Kemudian kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) para khalifah di bumi menggantikan mereka yang telah dibinasakan itu, supaya Kami melihat apa pula corak dan bentuk kelakuan yang akan kamu lakukan".
- b) Amalan syura. Syura merupakan satu amalan yang ditekankan oleh Islam dalam apa jua proses penggubalan undang-undang dan pembuatan sebarang polisi atau keputusan dasar. Firman Allah SWT dalam Surah al-Imran (3:159) yang bermaksud: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah ruah) daripada Allah (kepadamu wahai Muhammad), kamu telah bersikap lemah lembut kepada mereka (para sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah kamu bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu, maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu) dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila kamu telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu), maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakkal kepada-Nya.

Melalui amalan syura, ketelusan berlaku kerana justifikasi sesuatu undang-undang, dasar dan keputusan dibentang terlebih dahulu dan segala maklumat dikongsi secara sesama dengan semua ahli. Ahli-ahli majlis syura mempunyai kedudukan yang sama tinggi; masing-masing boleh menyumbang buah fikiran dan apabila berlaku proses undian, setiap seorang memiliki satu undi. Ahli majlis syura juga bebas untuk mengemukakan pandangan mengikut kefahaman, ilmu dan buah fikiran masing-masing. Ahli yang menganggotai majlis syura pastinya mewakili beberapa golongan masyarakat atau profesyen, itu pastinya menyediakan platform yang betul untuk menyampaikan pandangan mahupun kritikan.

Menurut Hassan al-Turabi (1983: 53), amalan badan perundangan moden adalah satu manifestasi konsep syura, *ijtihad* dan *ijma'*. Amalan itu menghimpunkan prinsip-prinsip ketelusan, persamaan dan kebebasan. Persamaan di sini menunjukkan satu pengiktirafan kedudukan sama taraf apabila mengemukakan pandangan masing-masing manakala kebebasan itu adalah bermaksud, setiap ahli mempunyai kebebasan untuk bersuara. Perundangan Islam secara khusus mengiktiraf kekuasaan syura dalam mencapai keputusan bersama dan mempertahankan prinsip-prinsip kebebasan, keadilan dan persamaan dalam kalangan umat Islam tanpa mengira bangsa dan keturunan.

PEMAKAIAN PRINSIP KUASA EKSEKUTIF

Implikasi konsep kedaulatan dalam prinsip perlembagaan telah diterima secara universal. Keluhuran perlembagaan atau kedaulatan undang-undang itu berlaku apabila sistem politik dan prinsip perundangan sesebuah negara itu mematuhi konsep kedaulatan yang dijunjung (Wan Ahmad Fauzi, Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Menurut Sejarah Perundangan 2017: 99-142). *Islam Agama Bagi Persekutuan Menurut Sejarah Perundangan* (Wan Ahmad Fauzi, Anisah Che Ngah & Mohamed Anwar 2017) telah menjelaskan pengaruh konsep kedaulatan watan tanah air dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan. Dari sudut prinsip kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong, baginda adalah terikat dengan konsep kedaulatan yang dipasak dalam Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi: Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, kedaulatan, prerogatif, kuasa dan bidang kuasa raja-raja dan prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Pembesar-pembesar Memerintah Negeri Sembilan di bawah wilayah-wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga kini adalah tetap dan tidak terjejas.

Kerangka undang-undang watan Tanah Melayu memposisikan Raja-raja Melayu sebagai khalifah yang terbina atas doktrin pengamanahan kedaulatan ('*sovereign trust*'). Kedudukan itu diperjelaskan lagi melalui sumpah yang dilafazkan oleh Yang di-Pertuan Agong apabila baginda berikrar "mengaku dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa Agama Islam dan berdiri tetap atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri" (Perlembagaan Persekutuan: Jadual 4). Sesuai dengan kuasa eksekutif Persekutuan yang terletak pada Yang di-Pertuan Agong, baginda hendaklah melaksanakan kewajipan baginda tertakluk pada konsep kedaulatan, sumpah jawatan dan melalui tatacara-tatacara dalam Perlembagaan Persekutuan. Menurut Abdullah @ Alwi Haji Hasan (2005: 263-264), tujuan utama pihak Eksekutif dalam sesebuah negara Islam adalah untuk menguatkuasa perintah Allah SWT yang disampaikan melalui *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Badan Eksekutif mengikut perspektif Malaysia terdiri daripada Jemaah menteri, perkhidmatan awam, polis dan angkatan tentera. Disebabkan kuasa politik itu lahir daripada kedaulatan Raja-raja Melayu, maka tidak hairanlah Yang di-Pertuan Agong, yang merupakan wakil Raja-raja Melayu dikehendaki melafazkan sumpah jawatan seperti Jadual 4 Perlembagaan Persekutuan. Dalam kata lain, sumpah jawatan itu mengikat Yang di-Pertuan Agong dan mereka yang melaksanakan kuasa eksekutif baginda untuk dengan sebenar-benarnya memelihara pada setiap masa agama Islam dan berdiri tetap atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri.

Mantan Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad (2016: 124-127) menyatakan prinsip perundangan Islam sewajarnya diserap masuk dalam undang-undang Persekutuan, terpakai kepada orang-orang Islam dan bukan Islam. Amalan sebegini sudah bermula di Malaysia apabila pembankan Islam dan takaful ditadbir oleh mahkamah sivil. Beliau menggesa pengharmonian undang-undang sivil dengan prinsip perundangan Islam kerana percaya 80% undang-undang sivil pada hari ini bukan '*un-Islamic*'. Pelaksanaan perundangan Islam bagi Abdul Hamid Mohamad (2016) perlu dibuat secara berhemat dan bijaksana untuk memastikan '*maqasid syar'iyah*' tercapai. Matlamat utamanya adalah keadilan dan bukan setakat penguatkuasaan hukuman syariah semata-mata. Pada sisi lain, prinsip kuasa eksekutif bersumberkan ajaran Islam itu boleh dikuatkuasakan dalam kerangka yang sama selaras dengan konsep kedaulatan negara seperti termaktub dalam Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan.

Dari sudut bingkai yang lebih besar, prinsip kuasa eksekutif itu bukan sahaja mengikat semua pelaksana fungsi eksekutif Persekutuan, bahkan mereka yang bertanggungjawab dalam proses meluluskan undang-undang juga pentadbir keadilan negara. Ini adalah kerana kewajipan pemerintah dan corak pemerintahan itu adalah terbit daripada sumber dan ciri-ciri kedaulatan itu. Dalam *kes Che Omar Che Soh lawan Pendakwaraya* ([1988] 2MLJ 55), Salleh Abas, Ketua Hakim Negara sendiri ketika mentafsirkan Islam menurut Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan berkata sekiranya Islam itu diberi tafsiran sebagai satu konsep yang mencakupi semua aspek kehidupan termasuklah jurisprudens dan nilai moral, tidak terbatas hanya pada aspek ritual, maka keabsahan setiap undang-undang perlu diuji atas pematuhan pada ajaran Islam. Dalam alasan penghakiman beliau, ada dipetik Islam menurut pandangan al-Maudhudi bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah seperti berikut:

Islam bukanlah hanyasemata-mata koleksi dogmas dan ritual tetapi ia adalah cara hidup merangkumi semua bidang aktiviti manusia yang lengkap; sama ada persendirian atau awam, perundangan, politik, ekonomi, sosial, budaya, moral atau kehakiman. Tatacara kehidupan dan piawaian moral kesemuanya berdasarkan panduan

illahi melalui Nabi-Nabi-Nya, panduan terakhir adalah Al-Quran dan Rasul terakhir adalah Nabi Muhammad SAW yang memiliki kemuliaan kelakuan dan ucapan (Farid Sufian, Tajul Aris dan Mohd Hisham, 2001: 4).

Jelasnya, prinsip kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong adalah premis yang melahirkan tanggungjawab kepada pihak-pihak berkaitan untuk mendaulatkan prinsip-prinsip bersumberkan Islam. Prinsip Islam hendaklah diaplikasi ke atas semua undang-undang sivil, pentadbiran dan dasar-dasar semasa kerajaan. Pengabaian prinsip itu adalah satu pelanggaran kepada kedaulatan Raja-raja Melayu yang dijamin oleh Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan.

KESIMPULAN

Prinsip kuasa eksekutif berteraskan kerangka konseptual khalifah, keadilan dan syura. Daripada tiga konsep tersebut, ianya melahirkan prinsip kuasa eksekutif terdiri daripada integriti, akauntabiliti, amar maaruf, nahi mungkar, teliti, muhasabah, ketelusan, persamaan dan kebebasan. Dari aspek perlaksanaannya pula, prinsip kuasa eksekutif bersumberkan Islam itu dapat dikuatkuasakan melalui Perkara 39 Perlembagaan Persekutuan iaitu kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong.

Pemakaian Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan adalah kuasa undang-undang untuk menguatkuasakan Islam sebagai undang-undang watan seperti yang diwarisi sejak zaman berzaman. Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memposisikan Islam sebagai agama bagi Persekutuandan sumpah Yang di-Pertuan Agong itu menjelaskan ciri-ciri kedaulatan Raja-Raja Melayu. Prinsip kuasa eksekutif dalam kerangka konseptual Islam bukan sahaja terpakai kepada Yang di-Pertuan Agong, malah kepada sesiapa sahaja yang melaksanakan kuasa eksekutif baginda. Akhirnya, semua pihak yang melaksanakan kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong mempunyai kewajipan untuk menjunjung kedudukan Islam sebagai undang-undang (*law of the land*) dan agama bagi Persekutuan.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mohamad. 2016. *The Truth Shall Prevail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Monir Yaacob. 2005. Kuasa perundangan dalam sebuah negara Islam: Kes Malaysia. Dlm. *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*, hlm. 523-548. Kuala Lumpur: IKIM.
- Abdul Rashid Moten. 2005. Malaysia as an Islamic state: A political analysis? Dlm. *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Abdullah @ Alwi Hassan. 2005. Sistem Pentadbiran yang Sesuai Dalam sebuah Negara Islam. Dlm. *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- al-Qardhawi, Yusuf. 2009. *Fiqh Kenegaraan*. Kuala Lumpur: Blue-T Publication Sdn. Bhd.
- Al-Qur'an al-Karim; Surah Ali 'Imran (3: 110), Surah al-Ahzab (33: 66-68), Surah al-Imran (3: 159), Surah al-Mai'dah (5:42), Surah al-Ma'idah (5: 45), Surah al-Nahl (16: 90), Surah al-Nisa' (4: 58), Surah Yunus (10: 14).
- Arief Salleh & Yahaya Jusoh. 2015. *Tafsir Maudhu'iy: Politik dan Urus Tadbir*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Che Omar Che Soh lawan Pendakwaraya* ([1988] 2MLJ 55)
- Farid Sufian Shuaib Suffian, Tajul Aris Ahmad Bustami & Mohd Hisham Mohd Kamal. 2001. *Administration of Islamic Law in Malaysia; Text and Material*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Hassan al-Turabi. 1983. *The Islamic State*. Dlm. Esposito, J.L. (pnyt.). *Voices of Resurgent Islam*. New York: Oxford University Press.
- Mohammad Hashim Kamali. 2005. Criteria and Characteristics of an Islamic State. Dlm. *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*, hlm. 11-26. Kuala Lumpur: IKIM.
- Nooh Gadut. 2005. Ulil Amri: Takrif dan konsep. Dlm. *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*, hlm. 127-138. Kuala Lumpur: IKIM.
- Perlembagaan Persekutuan (setakat 10 Mei 2010). 2010. Kuala Lumpur: Penerbitan Akta (M) Sdn. Bhd.
- Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, DYMM Paduka Seri. 2017. Titah Konvensyen Memperkukuhkan Pasak Negara: Ke arah Wasiat Lebih Tersurat. Hotel Marriot, Putrajaya, Wilayah Persekutuan. 5 Ogos.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2017. Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Menurut Sejarah Perundangan. Tesis Ph. D, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah, Mohamed Anwar Omar Din. 2017. Islam Agama Bagi Persekutuan Menurut Sejarah Perundangan. *Akademika* 87(3): 179-195.
- Wheeler, L.R. 1928. *The Modern Malay*. London: George Allen & Unwin.